

4

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96**

Oktober/November 1995

**HKN 404 Seminar Dalam Kesusasteraan Nusantara II:
Aspek-Aspek Pensejarahan**

Masa: [3 jam]

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM
DUA [2] HALAMAN.**

Jawab **EMPAT [4]** soalan, iaitu sekurang-kurangnya **SATU [1]** soalan daripada setiap Bahagian A, B dan C.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. Salah satu daripada masalah-masalah utama di dalam mengusahakan satu sejarah kesusasteraan Melayu tradisional adalah kekurangan kerja-kerja filologi ke atas manuskrip-manuskrip Melayu lama.

Apakah yang anda faham tentang filologi dan bincangkan beberapa kerumitan utama yang perlu dilalui di dalam kerja ini.

2. Berdasarkan kefahaman anda tentang genre, bicarakan perihal pertambahan genre di dalam kesusasteraan Melayu tradisional. Salah satu daripada masalah utama genre adalah berkaitan dengan genre hikayat.

Bincangkan pandangan-pandangan sarjana tempatan mengenai genre hikayat ini.

BAHAGIAN B

3. Pengenalan nama-nama pengarang kepada tulisan-tulisan Melayu di zaman klasik merupakan satu fenomena unik. Bincangkan kedudukan istimewa ini di dalam konteks kepengarangan kesusasteraan Melayu tradisional.
4. Penulisan epik di dalam kesusasteraan Melayu merentasi tiga zaman utama di dalam sejarah kesusasteraan Melayu tradisional dan masing-masing hasil memperlihatkan corak tasawwur yang berbeza.

Bincangkan pernyataan di atas.

5. Bincangkan secara perbandingan sumbangan Nuruddin Al-Raniri dan Raja Ali Haji di dalam sejarah kesusasteraan Melayu tradisional.

BAHAGIAN C

6. Pada dasarnya ada dua pemikiran terhadap masalah perbatasan di antara kesusasteraan Melayu tradisional dan kesusasteraan Melayu baru. Beri kritikan dan pertimbangan anda terhadap pemikiran-pemikiran ini.
7. Dengan memberikan contoh-contoh yang jelas dari perkembangan kesusasteraan Melayu baru atau kesusasteraan Indonesia, huraiakan kefahaman anda terhadap konsep generasi/angkatan di dalam kesusasteraan dan kegunaannya di dalam pensejarahan kesusasteraan.
8. Bincangkan salah satu [1] daripada perkara-perkara di bawah dan permasalahannya di dalam pensejarahan kesusasteraan Melayu atau Indonesia baru.
 - [a] Periodisasi
 - [b] Perkembangan genre
 - [c] Golongan penulis